

# 'KEJUTAN' kaedah BARU

## P&P moden lebih fokus konsep inovasi sebagai platform jana maklumat kepada pelajar

### FOKUS

Oleh Ruhaiza Rusmin  
ruhaizarusmin@mediaprima.com.my

Perubahan memacu kemajuan dan kecemerlangan. Dalam banyak bidang, kita dapat menyaksikan kejayaan tidak akan dapat dicapai sekiranya sesuatu itu bersifat statik, sebaliknya perlu berubah dan berkembang, sama ada secara perlahan-lahan ataupun drastik.

Di bidang pendidikan lebih-lebih lagi memerlukan kepada perubahan terutama dalam aspek pembelajaran dan pengajaran (P&P) supaya keberkesanannya lebih menverlah dalam mendidik, membentuk dan melahirkan pelajar yang berjaya.

Hal ini adalah sejajar dalam memenuhi pawiawan global yang melihat pendidikan pada skala besar sebagai satu aspek utama pembangunan sebuah negara.

Bagaimana dengan pendidikan di negara kita, terutama dari sudut P&P?



GURU adalah entiti penting yang berperanan melonjakkan lagi kejayaan pelajar. - Gambar hiasan



PROSES globalisasi pendidikan bertujuan melahirkan pelajar bukan saja cemerlang akademik namun mempunyai kemahiran pelbagai. - Gambar hiasan

Apakah anjakan P&P yang dilakukan cukup meyakinkan. Keupayaannya mencapai sasaran melahirkan pelajar bertaraf global sebagaimana sasaran Pelan Pendidikan

Pembangunan Malaysia 2013-2025? Memperkatakan isu ini, Pengarah Pusat Pengajaran dan Teknologi Pembelajaran (Pengajaran Universiti Kebangsaan Malaysia), Pro-

fesor Dr Mohamed Amin Embi bersetuju bahawa P&P perlu diselirakan dengan kehendak semasa bagi mengimbangi perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan global.

Tegas beliau, tanpa perubahan, sistem pendidikan negara akan terus ketinggalan, sekali gus memberi kesan kepada pelajar serta institusi pendidikan dalam jangka panjang.

"Dalam pembangunan sesebuah negara, pendidikan adalah asas yang perlu diperkasakan dengan elemen tertentu mengikut kesesuaian bertujuan memenuhi kapasiti semasa.

"Jika sistem digunakan tidak diubah, berkemungkinan impaknya juga sangat besar kepada pelajar, institusi pendidikan dan masyarakat," katanya, sambil menjelaskan bahawa setiap perubahan tidak boleh dilihat dalam masa singkat, tapi perlu disasarkan dalam tempoh panjang untuk diberi pelbagai suntikan baru.

Menurutnya, masyarakat yang sudah selesa dengan P&P sedia ada mudah terkesan dengan perubahan ini, contohnya P&P yang suatu ketika dulu lebih

berbentuk tradisi, kini semakin dipelbagaikan dengan kaedah baru lebih dinamik seperti dalam talian dan menggunakan Internet.

"Bagi segelintir masyarakat, mereka menganggapnya sebagai satu 'kejutan', tapi ia sebenarnya sangat diperlukan dalam P&P moden kerana sistem pendidikan di negara lain juga sudah menggunakan kaedah sama," katanya.

Beliau berkata, P&P moden juga lebih menekankan konsep inovasi sebagai platform menjana maklumat kepada pelajar supaya mampu berfikir pada aras tinggi.

Pengenalan Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) katanya, adalah antara inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan pelajar yang bukan saja mampu cemerlang dalam akademik, malah dilengkapi kemahiran lain seperti berkomunikasi dan berfikir di luar kotak.

"P&P yang terkini mam-

pu membantu pelajar bagi tujuan itu, di samping sokongan daripada P&P terdahulu. Gabungan kedua-duanya berpotensi membantu melahirkan pelajar seperti disasarkan KPM.

"Dalam hal ini, bukan pelajar saja yang perlu menerima (pembaharuan), tapi guru yang menjadi pelaksana," katanya.

Jelas beliau, masyarakat perlu memahami kepentingan melakukan anjakan proses P&P dalam sistem pendidikan masa kini bagi memenuhi kapasiti global.

Menurutnya, budaya sosial di sekolah adalah kompleks dan proses P&P perlu dipelbagaikan dengan tidak hanya tertumpu pada satu aspek semata-mata.

Katanya, pemain utama dalam menjayakan P&P adalah guru dan pelajar, sekali gus memerlukan mereka memahami



PENTING bagi guru untuk kreatif bagi melancarkan lagi proses P&P kepada pelajar. - Gambar hiasan

MENERUSI pemantapan kemahiran, kebolehan guru juga boleh membantu menyampaikan visi kepada pelajar dengan lebih yakin. - Gambar hiasan

sasaran yang ditetapkan. "Guru adalah golongan paling penting untuk menjadikan proses P&P berjalan lancar dan mencapai sasaran objektifnya.

"Penting bagi guru untuk kreatif serta mempunyai inovasi bagaimana mahu merencanakan proses P&P ini supaya berjalan lancar," katanya.

Penulis Peter Hook dan Andy Vass dalam bukunya 'Confident Peranan Kepimpinan Guru' (2000) menterjemahkan bahawa peranan guru dalam kelas sebagai satu kemahiran untuk berkomunikasi dengan diri sendiri dan pelajar.

Menurut Dr Mohamed Amin, berdasarkan terjemahan itu, guru perlu terlebih dulu membentuk kemahiran diri dengan keupayaan tertentu sebelum menyampaikan maklumat kepada pelajar.

"Menerusi pemantapan kemahiran ini, kebolehan guru boleh meningkat dalam menyampaikan visi kepada pelajar, menyasarkan dan mempengaruhi mereka.

"Peranan kepimpinan guru yang berkesan memerlukan guru yang memiliki pelbagai



P&P juga boleh menjadi wadah kepada guru untuk meningkatkan kemahiran sesama guru termasuk menghasilkan hubungan berkesan antara satu sama lain. - Gambar hiasan



KEMAHIRAN komunikasi pelajar juga akan meningkat, sekali gus memberi kelebihan pada mereka untuk memperkukuhkan kemahiran lain. - Gambar hiasan



DR Mohamed Amin



KOMUNIKASI dua hala juga penting untuk membina kemahiran diri guru dan pelajar. - Gambar hiasan

### Perbezaan cara P&P tradisi dan moden

- 1. P&P TRADISI**
- Hanya komunikasi sehalu berlangsung di dalam kelas.
  - Interaksi sukar berlaku atas faktor pelajar yang ramai juga keterbatasan upaya guru untuk memenuhi keupayaan pelajar secara individu.
  - Hanya membabitkan dua entiti saja iaitu pelajar dan guru.
  - Lebih banyak menggunakan konsep hafalan.

- 2. P&P MODEN**
- Pemindahan maklumat menjadi lebih mudah dalam P&P moden dengan sokongan komputer.
  - P&P lebih menarik kerana penyampaian maklumat boleh disampaikan dengan lebih variasi, sekali gus merangsang minda pelajar.
  - Teks buku yang panjang boleh diringkaskan atau dipendekkan.

kemahiran seperti boleh mengembangkan keupayaan untuk memahami, mempunyai kemahiran menghasilkan hubungan berkesan, memahami tingkah laku dan keinginan pelajar, memahami bilik darjah adalah satu sistem dan berkebolehan mencari penyelesaian dan menganalisis maklumat.

"Semuanya dirangkumi menjadi satu bagi menghasilkan proses P&P yang berjaya dan berkesan," katanya.

Beliau berkata, dalam dunia pendidikan, guru adalah entiti

yang penting perannya yang bukan sekadar mengetahui sesuatu ilmu, tapi mempraktikkannya dalam P&P di kelas (knowing in action).

"Ada kajian dilakukan penyelidik pendidikan, Linda Darling Hammond pada 2000 menunjukkan kualiti P&P guru boleh melonjakkan lagi kejayaan pelajar.

"Maksudnya, apa yang pelajar dapat bukan bergantung pada sekolah mereka hadir, tetapi pada guru yang ada dalam sekolah berkenaan.

GABUNGAN kedua-dua P&P adalah mekanisme yang mampu membantu pelajar untuk lebih efektif dalam pembelajaran di dalam kelas. - Gambar hiasan